

19/03/1999

Badan jawab isu fitnah dibentuk

Ibrahim Muhamad

KUALA TERENGGANU, Khamis - Kerajaan sudah membentuk sebuah badan untuk menjawab pelbagai fitnah melalui Internet yang dilemparkan kepada pemimpin dan kerajaan, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud.

Katanya, badan itu yang turut didokong pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan menjawab fitnah dengan memberikan gambaran sebenar sesuatu masalah itu.

"Orang ramai perlu diberi fakta yang betul dalam pelbagai isu sama ada ekonomi, politik, pendidikan, sosial dan hubungan antarabangsa," katanya selepas merasmikan projek Kumpulan Ekonomi Nelayan (KEN) di pantai Batu Buruk, di sini, hari ini.

Katanya, walaupun kerajaan sukar menilai sejauh mana kesan daripada fitnah itu, ia tetap yakin masalah itu akan dapat diatasi kerana yakin semua pihak matang dalam menghadapi pelbagai isu yang disiarkan Internet.

Abu Bakar menolak tanggapan kesan negatif Internet boleh menggugat kerajaan kerana ia berjaya ditangkis berdasarkan pengalaman pilihan raya Sabah yang tidak dapat lari daripada bahan fitnah yang disiarkan melalui Internet.

"Ternyata fitnah melalui Internet tidak dapat mempengaruhi rakyat Sabah untuk memilih kerajaan yang mampu mentadbirkan negara. Barisan Nasional (BN) sudah membuktikan keupayaannya," katanya.

Beliau berkata, Internet akan terus digunakan secara berleluasa pihak tertentu dalam menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan.

Malah, katanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menyatakan kerajaan tidak akan menyekat maklumat yang disiarkan melalui Internet kerana Malaysia adalah pelopor dalam pembangunan teknologi multi-media dunia.

Sementara itu, Abu Bakar yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu, berkata projek KEN mampu membantu meningkatkan berpendapatan nelayan miskin dengan melaksanakan pelbagai kegiatan ekonomi terancang.

Program berkumpulan itu boleh dinikmati bersama oleh nelayan tanpa diganggu orang tengah sama ada untuk mendapatkan bekalan input menangkap ikan dan pasaran hasil tangkapan mereka.

Katanya, sehingga ini ada 14 KEN di seluruh negeri ini dengan lebih 400 nelayan dan empat lagi akan ditubuhkan, membabitkan penyertaan kira-kira 100 lagi nelayan.

"KEN sudah menunjukkan kejayaan dengan beberapa kumpulan mampu membahagikan dividen hasil keuntungan jualan barangan melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan," katanya.

Pada majlis itu, Abu Bakar turut menyampaikan bantuan barangan keperluan menangkap ikan seperti pukot, pelampung, tali, enjin sangkut, pemampat dan peti sejuk.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada KEN pantai Batu Buruk yang membuka gerai ikan bakar melalui sumbangan RM18,000 yang disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

(END)